

D723

U B507 AAB  
BARISAN - MESYUARAT

KUALA LUMPUR, 1 APRIL (BERNAMA) -- KEEMPAT-EMPAT PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) DI SARAWAK AKAN MENGGUNAKAN LAMBANG BN (DACING) PADA PILIHAN RAYA NEGERI 15 DAN 16 APRIL INI.

PENGERUSI BN, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA KESEMUA PARTI ITU JUGA BERSETUJU DENGAN PEMBAHAGIAN KERUSI MENGIKUT KEDUDUKAN MEREKA SEBELUM PEMBUBARAN DEWAN UNDANGAN NEGERI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BN DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI PETANG INI.

PEMBUBARAN DEWAN UNDANGAN NEGERI DIUMUMKAN PADA 12 MAC LEPAS EKORAN KRISIS POLITIK DI NEGERI ITU APABILA SEKUMPULAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI MENDESAK KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, MELETAKKAN JAWATANNYA.

SEBELUM PEMBUBARAN PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU (PBB) MEMPUNYAI 16 KERUSI, PARTI BERSATU RAKYAT SARAWAK (SUPP) 12, PARTI KEBANGSAAN SARAWAK (SNAP) TUJUH DAN PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS), LAPAN DAN BEBAS LIMA.

PADA PILIHAN RAYA NEGERI DISEMBER 1983, PBB DIPERUNTUKKAN 20 KERUSI, SUPP (12) MANAKALA SELEBIHNYA DIPERTANDINGKAN SESAMA SENDIRI ANTARA SNAP DAN PBDS.

KETIKA ITU PBDS BELUM MENGANGGOTAI BN. -- LAGI  
2112MST 01 04 87

U B511 AAB  
BARISAN - MESYUARAT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MESYUARAT TIDAK MEMBINCANGKAN LAPORAN BAHAWA PBDS AKAN BEKERJASAMA DENGAN PERSATUAN RAKYAT MALAYSIA SARAWAK (PERMAS) YANG MENENTANG DATUK PATINGGI TAIB.

PERKARA ITU TIDAK DIBINCANGKAN KERANA MESYUARAT HANYA MEMBINCANGKAN PERSEDIAAN BN MENGHADAPI PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK, KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA SEBARANG BANTAHAN MENGENAI PERKARA ITU BOLEH DIKEMUKAKAN PADA MESYUARAT YANG AKAN DATANG.

MENGENAI TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL JIKA PBDS MELETAKKAN CALON BEBAS MENENTANG CALON BN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MEMIKIRKAN PERKARA YANG BELUM BERLAKU.

WALAU BAGAIMANAPUN, KATA PERDANA MENTERI, JIKA PERKARA SEDEMikian BERLAKU, IA AKAN DIBINCANGKAN SELEPAS PILIHAN RAYA KELAK.  
-- LAGI

2114MST 01 04 87

U B512 AAB  
BARISAN - MESYUARAT 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI SAMA ADA PRESIDEN PBB, DATUK PATINGGI TAIB, MENGEMUKAKAN USUL SUPAYA PBDS DISINGKIRKAN DARIPADA BN, BELIAU BERKATA TIADA USUL BERHUBUNG DENGAN PERKARA ITU DIBANGKITKAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA MESYUARAT HANYA MENDENGAR MAKLUMAT MENGENAINYA DARIPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT.

BELIAU BERKATA WAKIL KEEMPAT-EMPAT PARTI KOMPONEN BN SARAWAK ITU MENINGGALKAN BILIK MESYUARAT SEMASA MESYUARAT MEMBINCANGKAN SOAL PEMBAHAGIAN KERUSI DAN PENGGUNAAN SIMBOL.

BERHUBUNG DENGAN MANIFESTO PULA, PERDANA MENTERI BERKATA KEMPAT-EMPAT PARTI AKAN MENGGUNAKAN MANIFESTO YANG SAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR PERCAYA BN AKAN BERJAYA DAN MEMERINTAH SEMULA NEGERI INI. -- LAGI  
2115MST 01 04 87

D744

U B513 AAB  
BARISAN - MESYUARAT 4 KUALA LUMPUR

MESYUARAT JUGA TIDAK MEMBINCANGKAN SOAL PERLETAKAN JAWATAN BEKAS PRESIDEN MCA, ENCIK TAN KOON SWAN, SEBAGAI ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN GOPENG DAN PARTI KOMPONEN MANAKAH YANG AKAN BERTANDING DI KAWASAN ITU.

APABILA DITANYA ADAKAH PARTI-PARTI KOMPONEN LAIN SELAIN MCA MEMINTA UNTUK BERTANDING BAGI KERUSI ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SESIAPAPUN BERHAK MEMBUAT PERMINTAAN.

SOAL PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN USUKAN DAN PARLIMEN LIMBAWANG DI SABAH JUGA TIDAK DIBINCANGKAN PADA MESYUARAT KALI INI.

KETIKA DIMINTA MENGULAS LAPORAN YANG MENYATAKAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) TIDAK MENYOKONG CALON BN DARIPADA USNO BAGI KERUSI PARLIMEN KAWASAN LIMBAWANG, BELIAU BERKATA, MASALAH ITU BOLEH DISELESAIKAN.

KATANYA, KEADAAN SEPERTI ITU MERUPAKAN PERKARA BIASA DI SABAH DAN BELIAU YAKIN IA DAPAT DISELESAIKAN. -- LAGI  
2118MST 01 04 87

U B516 AAB  
BARISAN - MESYUARAT 5 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA ADAKAH MESYUARAT HAMPİR DUA SETENGAH JAM ITU HANYA MEMBINCANGKAN PERKARA PILIHAN RAYA SARAWAK DAN TIDAK PERKARA LAIN, PERDANA MENTERI BERKATA, MESYUARAT ITU MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA WAKIL MENGEMUKAKAN PANDANGAN MASING-MASING.

MESYUARAT MEMASTIKAN KEPUTUSAN DIAMBIL SECARA BERHATI-HATI, OLEH ITU TIADA SIAPA YANG DIHALANG UNTUK BERSUARA, KATANYA.

MENGENAI PERTANDINGAN UNTUK SEMUA JAWATAN TERTINGGI UMNO, BELIAU BERKATA, IA MERUPAKAN PERKARA BIASA DALAM NEGARA YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI.

MESYUARAT YANG BERMULA PUKUL 4 PETANG ITU DIHADIRI OLEH WAKIL PARTI-PARTI KOMPONEN BN TERMASUK DATUK LEO MOGGIE (PBDS), DATUK DR LING LIONG SIK (MCA), DATUK S.SAMY VELLU (MIC), DATUK DR LIM KHENG YAIK (GERAKAN), ENCIK KASITAH GADDAM (PBS), DATUK AMAR STEPHEN YONG (SUPP) DAN DATUK PATINGGI TAIB MAHMUD (PBB). -- BERNAMA  
2122MST 01 04 87